

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B serta satu soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kesedaran awal _____ punca dan tanda kemurungan mampu mencegah dan merawat masalah ini daripada semakin melarat.
A akan C terhadap
B tentang D daripada
- 2 Pekerja itu sedang _____ pokok yang tinggi di tepi sebatang jalan raya.
A menghiris C memotong
B menebang D memangkas
- 3 Tunku Abdul Rahman dikenang sebagai “Bapa Kemerdekaan” kerana beliau merupakan _____ yang berjaya menuntut kemerdekaan negara kita daripada British.
A negarawan C sejarawan
B budiman D cendekiawan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Sebelum mendirikan khemah, jurulatih memberikan _____ tentang cara-cara melipat kain anduh.
A tunjuk ajar
B tunjuk cara
C tunjuk bukti
D tunjuk sebab

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Sayembara penulisan cerpen yang diadakan itu bertujuan untuk ^Amengembang potensi berbahasa secara ^Bkreatif dalam kalangan murid. ^CTiada kesalahan.
D
- 6 Rakyat Malaysia tidak wajar ^Amengabaikan penggunaan bahasa Melayu agar ^Bjati diri tetap utuh. ^CTiada kesalahan.
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 7 I *Tamparan* ombak di pantai itu sungguh kuat, terutamanya pada musim tengkujuh.
II Amran masih teringat *tamparan* ayahnya kira-kira dua tahun yang lalu apabila dia tertangkap kerana ponteng sekolah.
III Keputusan mahkamah yang memutuskan pengurus besar syarikat itu melakukan pecah amanah telah menjadi satu *tamparan* hebat terhadap reputasinya di syarikat itu.
IV Bola itu telah memecah jaring gol setelah penyerang pihak lawan berjaya melakukan *tamparan* yang sungguh deras menyebabkan penyokong bersorak kegembiraan.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja